MEI 2026

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA



## PELANTIKAN PENGERUSI JK PELABURAN DANA WAKAF

**24 MEI 2026**: Penyerahan watikah pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Dana Wakaf UniSZA oleh Naib Canselor UniSZA, YBhg. Prof. Dato' Dr. Fadzli Adam, kepada YBhg. Dato' Dr. Shakir Husein Kalid. Pelantikan ini diyakini dapat memperkukuh strategi pelaburan dana wakaf UniSZA secara lebih mampan dan berimpak tinggi, sejajar dengan pengalaman luas YBhg. Dato' Dr. Shakir dalam bidang korporat serta pengurusan strategik.

MEI 2026

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA

## RANGKUMAN AKTIVITI WAKAF UniSZA



### 4 MEI 2026

Rakaman podcast Wakaf Kita di Pusat Kesenian dan Warisan

Hasil: Penghasilan video promo untuk WAKAF UniSZA

### 5 MEI 2026

Pertemuan awal bersama bakal duta wakaf

Hasil: Pemerkasaan hubungan antara WAKAF UniSZA dan fakulti






### 8 MEI 2026

Penyerahan sumbangan zakat MBSB berjumlah RM 100,000 sempena Peluncuran Kampung Angkat Madani
Hasil: Sumbangan zakat untuk kebajikan asnaf UniSZA

MEI 2026

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA

## RANGKUMAN AKTIVITI WAKAF UniSZA



### 14 MEI 2026

Pertemuan bersama Dato' Seri Ahmad Raziff Abd Rahman berkenaan pusat hemodialisis

Hasil: Potensi WAKAF kesihatan

### 20 MEI 2026

Agihan laptop sumbangan zakat Tabung Haji kepada pelajar Pusat Asasi Sains dan Perubatan UniSZA

Hasil: Memenuhi keperluan pembelajaran pelajar






### 24 MEI 2026

Mesyuarat Jawatankuasa Dana Wakaf dan Pelaburan

Hasil: Perakuan projek-projek dana WAKAF UniSZA untuk manfaat pelajar

MEI 2026

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA

## INFOGRAFIK
## PROSES BANTUAN KEWANGAN PELAJAR

**1**

### PELAJAR

Pengisian borang serta penyediaan dokumen dan diserahkan kepada fakulti

**2**

### FAKULTI

Penerimaan permohonan dan proses sokongan dokumen berkaitan.

**3**

### PEJABAT WAKAF

Semakan permohonan dan proses pengesahan dokumen.

**4**

### JAWAZ

**JAWATANKUASA AGIHAN DANA WAKAF DAN ZAKAT UNISZA**

Pertimbangan dan kelulusan permohonan.

**5**

### PEJABAT BENDAHARI

Proses pembayaran kepada pelajar

MEI 2026

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA

## INFOGRAFIK
## DANA BANTUAN KEWANGAN PELAJAR

Permohonan
(fakulti)

↓

UniSZA
UNIVERSITI SULTAN ZAINAL ABIDIN

WAKAF UniSZA

Jawatankuasa Agihan Dana Wakaf dan Zakat UniSZA (JAWAZ)

**Zakat asnaf fakir & miskin**

- Kelayakan mengikut had kifayah
- Pelajar Muslim

**Zakat asnaf fisabilillah**

- Kelayakan mengikut keperluan
- Program hafazan
- Pelajar Muslim

**Hasil janaan dana wakaf**

- Kelayakan mengikut keperluan
- Semua pelajar tanpa mengira agama

MEI 2026

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA

## INFOGRAFIK
## PERBEZAAN DANA BANTUAN DI WAKAF UNISZA

WAKAF UniSZA diberi amanah merekod dan menguruskan dana kebajikan merangkumi wakalah zakat, wakaf, derma serta endowmen secara sistematik dan berkesan.

| | Zakat | Wakaf (tunai) | Derma | Endowmen |
|---|---|---|---|---|
| Hukum | Wajib jika cukup syarat | Sunat | Sunat | Sunat |
| Kadar | Spesifik | Tidak spesifik | Tidak spesifik | Tidak spesifik |
| Penerima manfaat | Asnaf | Tidak terhad pada asnaf | Tidak terhad pada asnaf | Tidak terhad pada asnaf |
| Agihan | Dana perlu diagih segera | Dana dilabur dan hasil keuntungan diagih, atau<br><br>Dibina aset yang memberi manfaat | Dana perlu diagih | Dana dilabur dan hasil keuntungan diagih |

MEI 2026

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA

## INFOGRAFIK
## PERBEZAAN ZAKAT

Tahukah anda bahawa zakat dalam Islam tidak hanya terhad pada zakat fitrah?

| | Zakat Fitrah | Zakat Pendapatan |
|---|---|---|
| **Hukum** | Wajib ke atas setiap Muslim yang memenuhi syarat | Wajib ke atas Muslim yang mempunyai pendapatan mencapai nisab |
| **Hikmah** | Menyucikan jiwa | Menyucikan harta |
| **Kadar** | Satu *so'* makanan asasi. Sukatan ini dikadarkan dengan nilai matawang | 2.5% daripada pendapatan yang mencapai nisab |
| **Waktu** | Sepanjang Ramadan sehingga sebelum solat Aidilfitri | Apabila mencapai nisab; boleh dibayar secara bulanan atau tahunan |

MEI 2026

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA

## INFOGRAFIK
## KIRAAN ZAKAT PENDAPATAN

### Kiraan Zakat Pendapatan

**Pendapatan — Perbelanjaan** × 2.5%

Pendapatan:
- Pendapatan tetap
- Bonus
- Sewaan
- Hadiah
- Gratuiti
- Anugerah
- Insentif
- Komisen
- unit amanah

Perbelanjaan:
- Diri
- Isteri
- Perubatan
- Pemberian Ibu bapa
- Caruman
- Lembaga TH
- Caruman Takaful




**Rujuk kalkulator**

MEI 2026

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA

## KEMPEN POTONGAN ZAKAT BERJADUAL (PZB)

https://ezakat.maidam.gov.my/online/pzb.php
















Semakin besar pembayaran zakat staf melalui skim PZB, semakin besar dana wakalah yang akan diagih kembali oleh MAIDAM kepada UniSZA

MEI 2026

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA

## KEMPEN WAKAF
## KISAH SAIDINA UTHMAN RA




Pada zaman Rasulullah SAW di Madinah, umat Islam menghadapi masalah bekalan air. Terdapat sebuah perigi milik seorang Yahudi, namun beliau menjual air dengan harga yang mahal. Saidina Uthman ibn Affan cuba membeli perigi tersebut untuk menjadikan manfaat air tersebut buat umat Islam.

Pada awalnya beliau membeli separuh hak penggunaan perigi setelah Yahudi tersebut enggan menjual keseluruhan dengan bergilir-gilir pemilikan. Saidina Uthman membenarkan orang ramai mengambil air secara percuma secara percuma pada hari giliran beliau.

Akhirnya Yahudi tersebut menjual keseluruhan perigi tersebut kepada Saidina Uthman, lalu beliau mewakafkannya untuk kegunaan umum. Kini kawasan tersebut telah dibangunkan sebagai hotel mewah dan hasilnya terus dimanfaatkan untuk kebajikan ummah.

MEI 2026

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA

## DAPATKAN BULETIN WAKAF KITA


JANUARI 2026

WAKAF KITA

KAUNTER SUMBANGAN WAKAF SEMPENA KENAIKAN GAJI

27 Jan: Pihak WAKAF UniSZA telah membuka kaunter potongan gaji di Glass Hall, Bangunan Canselori. WAKAF UniSZA merakamkan setinggi penghargaan kepada semua staf yang hadir mendaftar, sama ada potongan kali pertama mahupun penambahan potongan sedia ada.


FEBRUARI 2026

WAKAF KITA

WAKAF TOUR SEMPENA RAMADHAN (SIRI 1)

WAKAF UniSZA telah mengadakan Program Wakaf Tour sempena bulan Ramadan bagi mempromosikan amalan filantropi dalam kalangan warga UniSZA. Program ini melibatkan 18 lokasi di tiga kampus utama universiti. Bagi bulan Februari, sebanyak empat lokasi telah berjaya dilaksanakan dengan penglibatan 10 Pusat Tanggungjawab (PTJ).


MAC 2026

WAKAF KITA

SUMBANGAN SEMPENA MAJLIS IFTAR PERDANA

Kuala Nerus, 10 Mac 2026 – Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) telah menerima sumbangan berjumlah RM713,975.48 daripada pelbagai agensi, institusi kewangan dan individu sempena Majlis Iftar Perdana yang berlangsung di Masjid UniSZA.


APRIL 2026

WAKAF KITA

AGIHAN ZAKAT FISABILILLAH PENDIDIKAN

29 April: Jawatankuasa Agihan Dana Wakaf dan Zakat UniSZA (JAWAZ) telah meluluskan permohonan Zakat Fisabilillah Pendidikan UniSZA kepada FPP, FKI, INSPIRE dan PAKAT. Ini merupakan kali pertama UniSZA diberikan kebenaran untuk mengagihkan zakat fisabilillah melalui wakalah zakat MAIDAM.


MEI 2026

WAKAF KITA

PENGERUSI JK PELABURAN DANA WAKAF

24 Mei: Penyerahan Watikah Pelantikan Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Dana Wakaf UniSZA oleh Naib Canselor UniSZA, YBhg. Prof. Dato' Dr. Fadzli bin Adam kepada YBhg. Dato' Dr. Shakir Husein Kahd. Perlantikan ini diyakini mampu memperkukuh strategi pelaburan dana wakaf universiti secara lebih mampan dan berimpak tinggi sejajar dengan pengalaman luas beliau dalam bidang korporat dan pengurusan strategik.

Layari www.wakafunisza.edu.my

MEI 2026

# WAKAF KITA

WAKAF UniSZA

Disediakan oleh:

Pejabat Wakaf dan Endowmen
Universiti Sultan Zainal Abidin (WAKAF UniSZA)
Kampus Gong Badak
21300 Kuala Nerus
Terengganu Darul Iman

**Ikuti kami**

## WAKAF UNISZA